



File #8820

1100089077

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UPM)  
Universiti Malaysia Terengganu.

LP 37 FPE 2 2009



1100089077

## Analisis penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan / Nor Hazlina Saadon.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089077

Lihat Sebelah

HAK MILIK  
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**ANALISIS PENYERTAAN WANITA BERKAHWIN DALAM  
SEKTOR PEKERJAAN**

**OLEH**

**NOR HAZLINA BINTI SAADON  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2009**

## **PENGAKUAN**

Saya akui Projek Ilmiah Tahun Akhir (EKN 4399 A/B) ini adalah hasil saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

**TARIKH :** 26 APRIL 2009

*Hazlina*

**NAMA :** NOR HAZLINA BINTI SAADON

**NO. MATRIK :** UK 13379

## **DECLARATION**

I hereby declare that this Paper Project (EKN 4399 A/B) is the result of my own finding, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving references is appended.

**DATE :** 26 APRIL 2009

*Hazlina*

**NAME:** NOR HAZLINA BINTI SAADON

**MATRIC NO. :** UK 13379

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan keizinan dan limpahan rahmat serta hidayah dari-Nya juga, Kertas Projek Tahun Akhir (EKN 4399 A/B) telah dapat disiapkan walaupun di himpit kesibukan tugas-tugas harian yang tidak pernah ada penghujungnya. Tidak lupa juga selawat dan salam ke atas Nabi junjungan kita, Nabi Muhammad S.A.W.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat terutamanya kepada Pn. Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid selaku penyelia dan pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar semasa menyiapkan Kertas Projek Tahun Akhir. Insya-Allah, segala tunjuk ajar yang telah diberikan akan saya gunakan pada masa hadapan kelak

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Saadon bin Abdul Samad dan Pn. Zaliha binti Mohamad, adik-beradik dan keluarga yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan agar saya tidak mudah putus asa dalam menghadapi cabaran dan dugaan hidup ini.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan kerana memberi tunjuk ajar dalam menjayakan Kertas Projek Tahun Akhir ini.

Sekian dan terima kasih.

## ABSTRAK

Kajian yang bertajuk Analisis Penyertaan Wanita Berkahwin dalam Sektor Pekerjaan bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesan penyertaan wanita berkahwin dan penyertaan wanita yang belum berkahwin dalam sektor pekerjaan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kajian lepas oleh Kwabena A.Anaman dan Hartinie M.Kassim (2005) mendapati umur, taraf pekerjaan dan tahap pendidikan signifikan terhadap penglibatan tenaga buruh wanita berkahwin dan belum berkahwin dalam pasaran buruh, Penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin lebih cenderung daripada wanita belum berkahwin dalam sektor pekerjaan dan faktor-faktor pendorong tenaga buruh wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan adalah pendapatan suami, pengalaman bekerja, tahap pendidikan, dan umur. Kajian oleh Lim Hock Eam, Zalina Mohd Mohaideen dan Norehan Abdullah (2003) mendapati pembolehubah agama tidak signifikan terhadap kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di negeri Kedah. Selain itu, kajian oleh Lim Hock Eam dan Zalina Mohd Mohaideen (2003) mendapati bahawa kesan sut bilangan anak ke atas penyertaan tenaga buruh wanita berkahwin berbeza mengikut peringkat umur. Oleh itu objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu mengkaji faktor pendorong penyertaan wanita berkahwin dalam sektor pekerjaan dan menganalisis penyertaan wanita yang belum berkahwin serta kesannya terhadap pembangunan ekonomi. Kaedah soal selidik telah dijalankan kepada 100 orang wanita berkahwin sebagai responden di negeri Johor. Selain itu data sekunder yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia juga digunakan dalam kajian ini. Data yang telah dikumpulkan akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For The School Science (SPSS). Kajian ini juga menggunakan Model Binary Logistik dan Model Regresi. Hasil kajian yang diperolehi melalui Model Binary Logistik hubungan signifikan antara penyertaan wanita berkahwin dengan pekerjaan. Manakala hubungan yang tidak signifikan antara penyertaan wanita berkahwin dengan taraf perkahwinan, tahap pendidikan, tempat tinggal, pendapatan suami yang rendah, bilangan anak, sebab penyertaan wanita dan bilangan isi rumah. Manakala hasil kajian melalui Model Regresi penyertaan wanita yang belum berkahwin dengan penyertaan wanita berkahwin mempunyai hubungan yang kuat dengan Keluaran Dalam Negara Kasar. Kesimpulannya pelbagai langkah-langkah telah dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Kerajaan merangka strategi-strategi yang khusus bagi menggalakkan wanita melibatkan diri dalam sektor pekerjaan selaras dengan negara yang melangkah ke fasa baru pembangunan bagi menjadi negara maju menjelang tahun 2020.